

# UPMKB, MTCP anjur edisi kedua iFest2023 pada 7-12 Ogos

**BINTULU:** Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) dan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP) akan menganjurkan Festival Kesenian Islam 2023 (iFest2023) edisi kedua di kampus universiti itu pada 7 hingga 12 Ogos akan datang.

UPMKB berkata, festival bertemakan 'Kesenian Islam Pemangkin Kesejahteraan Negara' ini akan mengetengahkan beberapa aktiviti berbentuk pertandingan antaranya pertandingan menulis khat, pertandingan tilawah al-Quran, pertandingan bercerita, pertandingan syarahan agama, pertandingan nasyid kontemporari dan pertandingan memanah.

"Kesemua pertandingan ini menawarkan hadiah berupa wang tunai, trofi dan sijil penyertaan kepada para pemenang," kata kenyataan UPMKB di sini, semalam.

Selain itu katanya, iFest2023 juga akan menganjurkan Forum Perdana yang dijadual pada 12 Ogos jam 7.30 malam di Dewan Sri Kenyalang UPMKB.

"Forum Perdana ini akan menampilkan tokoh agama dan pakar motivasi hebat dan

**FESTIVAL KESENIAN ISLAM 2023**  
Kesenian Islam Pemangkin Kesejahteraan Negara

**Pertandingan** 7-12 Ogos 2023 UPM Kampus Bintulu Sarawak

**Tilawah Al-Quran**  
Maklumat lanjut hubungi:  
Dr. Mohammad Saiful Mohammad Samik, 019 287 8588

**Bercerita Kisah Al-Quran**  
Maklumat lanjut hubungi:  
Dr. Shahrin Ong Yeng Yee, 014 208 1880

**Memanah**  
Maklumat lanjut hubungi:  
En. Mohammed Thaqif Tong, 014 698 8664

**Seni Khat**  
Maklumat lanjut hubungi:  
Dr. Ahmad Mustapha Mohamad Puzi, 014 223 3122

**Syarahan Agama**  
Maklumat lanjut hubungi:  
Dr. Karmilah Abdullah, 014 867 9032

**Nasyid Kontemporari**  
Maklumat lanjut hubungi:  
Pn. Rahmah Latip, 071 554 18048  
Pn. Halu Nisah Abdul Rahman, 019 641 7047

Untuk maklumat lanjut hubungi Urus Setia iFest2023:  
Pn. Rosidah Basir 019 276 2004 / Pn. Nurul Haziqah Hasan 011 1875 2903

UPMKB  
www.btu.upm.edu.my

PERKEMBANGAN • INOVASI • KERDUKUPAN  
BINTULU SARAWAK

www.upm.edu.my

tidak asing lagi di Malaysia," tambahnya.

Beliau berkata, iFest2023 untuk menggalakkan masyarakat terutama golongan belia terlibat dalam aktiviti sihat dan seterusnya membentuk peribadi lebih baik.

"Ia juga memberi ruang kepada masyarakat untuk menonjolkan bakat melalui pertandingan yang disertai," ujarnya.

Justeru katanya, iFest2023 ini diharap mampu mempromosi Sarawak dan Bintulu

sebagai destinasi pelancongan memandangkan penyertaan ini terbuka kepada semua termasuk dari negara luar seperti Indonesia dan Brunei Darussalam.

Katanya, untuk maklumat lanjut layari laman sesawang [www.btu.upm.edu.my](http://www.btu.upm.edu.my) / [www.ifest.upm.edu.my](http://www.ifest.upm.edu.my) atau hubungi Urus Setianya Rosidah Basir di talian 019-2762004, Nurul Haziqah Hasan (011-18752903) dan Veronica Edmund Dana (014-8999923).